



**BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (DISEASE CONTROL DIVISION)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
ARAS 3,4,6,8 BLOK E 10, PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA**

*No. Tel: 03-88834126*

*No. Faks: 03-88834150*

*Website: <http://www.dph.gov.my>*

**KENYATAAN AKHBAR  
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu Epid ke 45/2008 (2 hingga 8 November 2008)

Jumlah kes Chikungunya yang telah dilaporkan di seluruh negara sepanjang minggu ini (2 hingga 8 November 2008), tidak berubah seperti minggu lepas berjumlah 110 kes. Sebanyak 11 kes telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes ke rumah-rumah oleh anggota Kementerian Kesihatan, manakala yang selebihnya dilaporkan oleh klinik ataupun hospital. Kes jangkitan Chikungunya pada minggu ini dilaporkan di lapan negeri iaitu Johor (39 kes), Pahang (23 kes), Perak (17 kes), Selangor (16 kes), Negeri Sembilan (8 kes), Melaka (4 kes), WP Putrajaya (2 kes) dan WP Kuala Lumpur (1 Kes). Setakat ini tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan.

Sehingga kini kumulatif kes sepanjang tahun ini di seluruh negara adalah sebanyak 3, 239 kes (Lampiran A). Hanya 747 kes (23%) daripada keseluruhan kes tersebut yang memerlukan rawatan di hospital, berbanding majoriti pesakit (77%) yang mendapatkan rawatan pesakit luar.

Pada minggu ini, kes-kes dilapor dari 98 lokaliti, dari lokaliti-lokaliti tersebut 22 lokaliti mempunyai lebih dari satu kes. Kesemua lokaliti ini dipantau termasuk 8 lokaliti yang baru. Walaupun penularan kes ke kawasan baru masih lagi berlaku, keadaannya adalah terkawal.

Orang ramai yang mengetahui adanya jangkitan Chikungunya diharapkan dapat memaklumkan ke Pejabat Kesihatan yang berhampiran. Bagi mereka yang telah dijangkiti penyakit Chikungunya adalah dinasihatkan agar tinggal di rumah sahaja selepas mendapat rawatan sehingga sihat, ini boleh mengelakkan penularan Chikungunya ke kawasan baru, terutama jika melawat kawasan yang mempunyai densiti nyamuk *Aedes* yang tinggi akibat daripada kebersihan persekitaran yang tidak terjaga.

Usaha-usaha bagi membendung penularan penyakit ini masih giat dijalankan oleh KKM dan pihak berkuatkuasa tempatan dimana sepanjang minggu lepas, selain dari lokaliti yang mempunyai satu kes, sejumlah 7,930 rumah di 22 lokaliti telah dibuat fogging. Melalui pemeriksaan pembiakan nyamuk, 81 rumah di didapati positif pembiakan *Aedes*, menjadikan enam lokaliti mempunyai Indeks *Aedes* melebihi 1% yang mana menjadi punca kepada penularan penyakit ini. Sejumlah 22 kompaun berjumlah RM 2,650.00 telah dikenakan kepada tuan punya rumah yang membiarkan premis mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Pada minggu ini juga sebanyak 8 gotong-royong telah dijalankan di lokaliti-lokaliti kes.

KKM juga menyarankan agar ahli masyarakat untuk mempertingkatkan lagi aktiviti gotong-royong di persekitaran kediaman masing-masing bagi membasmi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*, sekaligus mengawal penularan penyakit Chikungunya. Kerjasama diantara ahli masyarakat dan KKM akan menghasilkan aktiviti kawalan nyamuk *Aedes* yang lebih cekap dan berkesan.



(DATO' DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN)  
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh: 13 November 2008

**LAMPIRAN A****Kes Chikungunya Terkumpul Yang Dilaporkan Sehingga  
Minggu Epid Ke-45, 2008**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Cara Pengesanan</b>		<b>Jumlah</b>	<b>Kematian</b>
		<b>Datang Ke Klinik/ Hospital</b>	<b>Pengesanan Di Rumah/ Kampung</b>		
1.	Perlis	0	0	0	0
2.	Kedah	0	0	0	0
3.	P. Pinang	3	0	3	0
4.	Perak	213	215	428	0
5.	Selangor	92	1	93	0
6.	WP Putrajaya	9	0	9	0
7.	WP K.Lumpur	3	1	4	0
8.	Negeri Sembilan	79	72	151	0
9.	Melaka	521	74	595	0
10.	Johor	966	705	1671	0
11.	Pahang	78	200	278	0
12.	Kelantan	3	0	3	0
13.	Terengganu	1	0	1	0
14.	Sarawak	2	1	3	0
15.	Sabah	0	0	0	0
16.	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>1970</b>	<b>1269</b>	<b>3239</b>	<b>0</b>

**GRAF 1. KEJADIAN KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA  
BAGI MINGGU 31 HINGGA 45**

